

Siti Hasmah seru NGO aktif bentuk remaja bermartabat

UM 29 SEP 2004

KUALA LUMPUR 28 Sept. — Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menyeru pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agar memainkan peranan aktif dalam usaha membentuk golongan remaja yang bermaruah dan bermartabat.

Beliau berkata, ini kerana peranan yang dimainkan oleh NGO sama penting dengan peranan ibu bapa dalam membentuk golongan tersebut.

“Kalau kita amati gejala sosial yang berlaku di kalangan anak-anak remaja amat membimbangkan, oleh itu ia memerlukan komitmen semua pihak untuk mengatasinya,” kata beliau.

Dr. Siti Hasmah menyatakan demikian ketika berucap pada majlis meraikannya oleh Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPI), di sini hari ini.

Pada majlis itu, Siti Hasmah dianugerahkan lencana ‘Jasa Bakti LKPI’ yang disampaikan oleh Raja Perempuan Besar Perlis, Tengku Budriah Tengku Ismail.

Anugerah tersebut diberikan kepada para pemimpin yang tidak ternilai jasanya kepada bangsa, agama dan negara.

Dalam hal ini, kata Dr. Siti Hasmah, LKPI boleh berfungsi membantu membimbing remaja dari segi sudut agama dengan menggalakkan remaja terbabit memasuki Pergerakan Puteri Islam (PPI).

“Saya yakin jika pertubuhan-pertubuhan seumpama itu dapat digerakkan secara bersepadu usaha untuk menangani gejala sosial akan dapat diatasi,” katanya.

Dr. Siti Hasmah juga menceritakan bahawa beliau belum menikmati tempoh bersara dalam erti kata yang sebenar.

Ini katanya, kerana beliau dan Tun Dr. Mahathir Mohamad sibuk memenuhi pelbagai undangan di dalam dan luar negara, menjadikan kehidupan mereka berdua kini seperti ‘belangkas’.

“Biasanya kalau jemputan di luar negara, Dr. Mahathir akan meminta saya menemaninya, itu yang menyebabkan kami seperti belangkas,” katanya.